



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

OLEH

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN RAJA KITA
ISTIADAT PERTABALAN KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG,
SULTAN IBRAHIM**

25 JULAI 2024

MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR

SALUTASI

**Salutati terkini akan disediakan secara berasingan*

PAMERAN RAJA KITA

1. Kementerian Perpaduan Negara khususnya Jabatan Muzium Malaysia amat berbesar hati diberikan tanggungjawab untuk menganjurkan **Pameran Raja Kita** yang akan berlangsung daripada **26 Julai 2024 sehingga 29 September 2024**.
2. Untuk makluman semua, Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan Pameran Raja Kita sempena Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sejak Julai 1980.
3. Pameran ini juga diadakan sebagai satu inisiatif untuk **mengangkat Institusi Yang di-Pertuan Agong dalam sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Konsep Raja Berperlembagaan** agar ia terus terpelihara sebagai lambang kedaulatan yang memayungi setiap rakyat negara ini.

4. **Pameran Raja Kita pada kali ini menghimpunkan lebih kurang 272 koleksi.** Antara koleksi yang dipamerkan adalah regalia Persekutuan, koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Berdua, koleksi pinjaman dari Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja Raja, Muzium Diraja Abu Bakar Johor serta koleksi dari agensi seperti Arkib Negara dan Perpustakaan Negara yang berupa dokumen perjanjian dan manuskrip.
5. Ini akan membolehkan rakyat menghayati Institusi Yang di-Pertuan Agong di samping mengenali dengan lebih dekat lagi keperibadian Baginda Tuanku sekaligus menyemarakkan lagi slogan **“Raja dan Rakyat berpisah tiada”**.
6. Elemen utama yang diketengahkan dalam pameran ini ialah berkaitan **Undang - Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895**. Undang-undang ini telah ditandatangani dan diisytiharkan oleh Sultan Abu Bakar pada 14 September 1895 di Istana Besar Johor. Sejarah telah membuktikan bahawa **Kerajaan Johor adalah kerajaan pertama yang menggunakan Undang-Undang Tubuh yang bertulis** dan masih diguna pakai oleh Kerajaan Johor hingga kini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

KEPENTINGAN INSTITUSI RAJA

7. **Institusi Raja Berperlembagaan adalah Institusi pemerintahan yang mempunyai keistimewaan dan keunikan tersendiri yang harus dipertahankan dan diperjuangkan sebagai kedaulatan negara bangsa.**
8. Institusi ini penting kerana ia menjadi **'payung kedaulatan negara'** menaungi seluruh rakyat yang berbilang bangsa, agama, budaya dan etnik. Ini dapat diterjemahkan menerusi prinsip kedua Rukun Negara iaitu **Kesetiaan Kepada Raja dan Negara**. Prinsip kedua ini mampu membentuk satu bangsa Malaysia yang sayangkan negara, patriotik dan bersatu padu kerana Raja adalah simbol payung negara.
9. Menyedari hal ini, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030** yang menetapkan tiga Teras Perpaduan yang menjadi asas dalam pelaksanaan agenda perpaduan negara iaitu **patriotisme dan demokrasi, identiti nasional dan ekosistem perpaduan.**

10. Dalam mendukung aspirasi Malaysia MADANI, Kementerian telah menghasilkan **Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan melancarkan Flagship Kembara Perpaduan** bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih berpandukan elemen **kenegaraan, integrasi nasional, kesukarelawan, kasih sayang, muhibbah dan pembangunan Komuniti Rahmah.**
11. Kementerian turut telah melancarkan **Eksplorasi Rukun Negara** bagi memperkukuhkan penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, Kementerian menerusi **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Arkib Negara Malaysia (ANM)** telah mengambil usaha mempromosikan elemen Rukun Negara melalui program seperti **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara, Mural Rukun Negara, Kem Anak Malaysia, Raja Kita Payung Kita, Simposium Pendidikan Rukun Negara dan Pameran Arkib Diraja.**
12. Sehubungan dengan itu, penghayatan terhadap nilai-nilai penting Rukun Negara akan terus diperkasakan di semua peringkat dan lapisan masyarakat. Usaha-usaha ini akan terus

dipergiatkan lagi sempena **Sambutan 55 Tahun Rukun Negara** pada tahun hadapan.

13. Dalam kesempatan ini juga saya ingin mengumumkan bahawa Muzium Diraja di bawah tanggungjawab Jabatan **Muzium Malaysia akan dibuka semula kepada orang awam pada tahun 2026 sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

PENUTUP

14. Akhir kata, pihak Kementerian berharap agar pameran ini dapat menyemarakkan lagi semangat patriotik, taat setia dan perasaan cintakan negara dalam kalangan generasi muda sekaligus mempertahankan Institusi Diraja ini demi kelangsungan dan survival tamadun bangsa.
15. Dengan sukacitanya, saya merasmikan **Pameran Raja Kita 2024.**

Sekian, Terima kasih.